



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 93/12/19**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**KETUA JURUTEKNIK MAKMAL (C.3-4 EB.5)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- | |
|---|
| <p>1. KETUA JURUTEKNIK MAKMAL
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang *Biomedical Science* / *Food Science* / Kimia / Sains Makmal dan Pengurusan / *Veterinary Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan makmal sains / *veterinar* / kimia adalah kelebihan.
3. Berkemahiran dalam pengendalian dan pemeliharaan peralatan-peralatan makmal serta teknik-teknik pemeriksaan / penganalisan makmal adalah kelebihan.
4. Berkebolehan mengedali peralatan / peralatan berkomputer dan mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (*ICT*) adalah kelebihan.
5. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan makmal sains / *veterinar* / kimia serta kemahiran dalam pengendalian, pemeliharaan peralatan dan teknik penganalisan makmal adalah diutamakan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertugas di Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar khususnya dalam makmal residu ubat-ubatan, serologi dan histologi.
2. Mengendalikan kerja-kerja penganalisan residu ubat-ubatan veterinar, serologi dan histologi.
3. Melaksanakan pengesahan (*verification*) ke atas kerja-kerja dan keputusan makmal residu ubat-ubatan, serologi dan histologi.
4. Menyediakan laporan keputusan hasil penganalisan makmal.
5. Mengimplementasikan sistem pengurusan makmal ke arah skim akreditasi *ISO / IEC 17025 - Testing Laboratory*.
6. Menyediakan laporan pemeriksaan dan penganalisan makmal setiap tiga bulan bagi seksyen kesihatan awam veterinar.
7. Menyediakan kertas kerja yang berkaitan bagi mendokong fungsi makmal veterinar.
8. Merancang program bagi meningkatkan kompetensi staf teknikal makmal berkaitan.
9. Membantu dalam meningkatkan sistem pengurusan kualiti makmal menurut keperluan skim akreditasi *ISO / IEC 17025:2017 - Testing Laboratory*.
10. Melaksanakan kerja-kerja yang diperlukan untuk mendapatkan pengiktirafan *ISO / IEC 17025:2017* bagi ujian yang belum diakreditasi.
11. Bertanggungjawab ke atas aktiviti-aktiviti keselamatan makmal dan membuat laporan jika berlaku kemalangan di makmal.
12. Memastikan bekalan bagi penyediaan sampel dan penganalisan makmal adalah mencukupi bagi penggunaan yang berterusan.
13. Melaksanakan kerja-kerja pembangunan metodologi dalam penganalisan makmal berkaitan.
14. Melatih tenaga teknikal makmal mengenai dengan teknik-teknik penganalisan makmal berkenaan.



15. Bersedia bekerja dan melaksanakan tugas di luar daerah dan di luar waktu pejabat.
16. Menerima dan melaksanakan tugas atau lain-lain arahan yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Ketua Bahagian / Unit.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf

SIJIL Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).



My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▲
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▼